

10 JUL 2000

PARLIMEN: PM Pengerusikan Mesyuarat Pra-Majlis

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Pra-Majlis Dewan Rakyat dan Dewan Negara di Bangunan Parlimen di sini.

Mesyuarat yang khusus kepada anggota Parlimen dan senator dari Barisan Nasional itu dimulakan sebelum Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Ke-10 bersidang pada pukul 10 pagi.

Persidangan Dewan Rakyat kali ini berlangsung selama lapan hari hingga 20 Julai manakala mesyuarat Dewan Negara akan bermula pada 24 Julai hingga 1 Ogos.

Mesyuarat pra-majlis itu kebiasaannya membincangkan isu-isu yang akan dikemukakan pada sidang parlimen kali ini.

-- BERNAMA

RZS LAT